BIL. 57 DIS 2019

CREATE
e-newsletter

UMP tersenarai pada kedudukan 134 terbaik

Oleh: HAZLINA FAIZAL, PUSAT HAL EHWAL KORPORAT DAN KUALITI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatatkan pencapaian membanggakan apabila berada di kedudukan
University Ranking Asia 2020 yang diumumkan baru-baru ini.

Lonjakan berterusan bagi tempoh lima tahun berturut-turut itu juga menjadikan UMP sebagai universiti pe
Teknikal Malaysia (MTUN) yang berada di kelompok 150 terbaik Asia.

Pencapaian tahun ini menyaksikan UMP meningkat sebanyak 54 kedudukan berbanding di kedudukan 188

Ia mencakupi kebolehpasaran graduan, rangkaian *(networking)* dan kerjasama industri dan perkongsian str

QS University Ranking Asia 2020 mengambil kira 11 kriteria penilaian, antaranya Reputasi Akademik, Re
Pelajar, Jumlah Sitasi bagi Penerbitan, Jumlah Penerbitan Saintifik per staf akademik dan Staf Akademik B

Lain-lain adalah Jaringan Penyelidikan Antarabangsa, Staf Akademik Antarabangsa, Pelajar Antarabangs
Pertukaran Pelajar Antarabangsa ke dalam Negara.

Pelbagai inisiatif pengantarabangsaan akan terus dilaksanakan UMP dalam meliputi bidang pengajaran,
hubungan industri dalam menjadikan universiti ini sebagai Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang lebih ceme

Bagi edisi 2020 ini memperlihatkan UMP memperbaiki kedudukan bagi hampir kesemua kriteria penilaian
Quacquarelli Symonds yang berpengkalan di London.

Keputusan penuh *QS Asian University Rankings* 2019 boleh diakses melalui pautan https://www.to
university-ra….

UMP, SIASUN jalin kolaborasi strategik dalam pembangunan ro
pintar

Oleh: MOHD. RAIZALHILMY MOHD RAIS, PUSAT JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (ICoN)

Kolaborasi strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan SIASUN Robot & Automation Co.Ltd. (SIA sebuah syarikat berteknologi tinggi bakal membentuk rantaian nilai merangkumi teknologi teras, komponen industri terutamanya dalam perkhidmatan pintar berkaitan robotik.

Pada ketika ini, nilai pasaran SIASUN adalah ke-3 dalam industri robot di peringkat global yang mempunya

Kerjasama ini akan memberi tumpuan terhadap pembangunan kepakaran dengan model kilang berkon menyokong inisiatif pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu *University Revolution Teac* Perindustrian (IR 4.0).

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) itu menyaksikan Naib Canselor UMP, menandatangani MoU bersama Ketua Pegawai Eksekutif SIASUN, Mr. Zhao Chen pada 5 November 2019

Hadir sama Presiden SIASUN Education Shenyang, Cun Yan Fan, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Hainin dan Naib Presiden Teutloff German TVET Institution, Andy Pan.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, kolaborasi ini adalah kesinambungan hasil kunjungan pihak SIASUN k

“Kolaborasi ini akan melatih tenaga mahir bagi memperkasa kemahiran Pendidikan Teknikal dan Latihan V samping program pembelajaran sepanjang hayat melalui kerjasama strategik dengan syarikat global.

“Dalam membangunkan ekosistem mampan inovasi teknologi berimpak tinggi, UMP juga turut menjalinkan Pusat Kecemerlangan Asia (ACES) bersama-sama dengan SIASUN yang berpangkalan di Singapura dan yang mengetuai lawatan kerja ke Shenyang, China.

Beliau mengharapkan kolaborasi ini mampu membuka peluang kerjasama strategik dalam mengadapt
dengan lebih releven, realistik dan efektif yang dapat dimanfaatkan semua pihak.

Delegasi UMP dan SAPURA juga berpeluang melawat ke beberapa makmal berkaitan industri robot bertek

Di samping itu juga turut diadakan perbincangan kolaborasi dalam bidang akademik dan peny
Automation, *Chinese Academy of Sciences*, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan SIASUN serta Kolej Te

Turut sama menyertai delegasi ialah Pengurus Besar Kanan (Teknikal & Operasi) Sapura Industrial Berha
Industri & Masyarakat (ICoN), Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin dan Pengurus Besar Sapura, A

Kunjungan SIASUN, Sapura Industrial tinjau prospek kolab

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan daripada delegasi SIASUN Co. Ltd (Singapor

kolaborasi dalam Teknologi Kejuruteraan dan bidang penyelidikan selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (
UMP Pekan.

Delegasi ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, SIASUN Automation Singapore, Zgao Chen bersama
oleh Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Timbalan Naib Canselor (Penyeli
Zuhairi Zamli.

Hadir sama Pengurus Besar Pembuatan, Sapura Industrial, Abdul Halim Baharom, Pengarah Pusat
Profesor Madya Dr. Nurul Hazlina Noordin dan Pengarah *Center for Technology Management and Servi*
Nawi.

Delegasi turut dibawa melawat ke Makmal Elektrik dan Elektronik, Makmal Mekanikal dan Automotif,
pelaksanaan kilang pengajaran *(teaching factory)* untuk berkongsi idea dalam pembangunan dan
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu *University Revolution Teaching Factory* (URTF) yang berkait

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar turut membentangkan mengenai latar belakang, pencapaian universiti dan pe
universiti ini kepada delegasi yang hadir.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, kerjasama strategik dengan SIASUN ini merupakan satu langkah uta
bidang robotik, inovasi dan automasi yang dapat dimanfaatkan UMP.

“Jalinan kerjasama ini juga membincangkan mengenai potensi kolabrasi bersama rakan industri UMP iaitu
Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET),” katanya.

Turut dibincangkan perancangan dalam membangunkan *teaching factory* di UMP hasil kerjasama antar
SIASUN.

SIASUN menyediakan produk dan perkhidmatan pintar berkaitan robotik, ia merupakan organisasi terbesa
ketiga terbesar di dunia.

Hubungan erat MTUN–Industri lahirkan pakar t

Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) digesa untuk terus bekerjasama dengan industri bagi membantu menangani permasalahan berkaitan industri.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA), Profesor Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Ami dengan industri perlu diperhebat bagi menggalakkan pihak industri menjalankan kajian penyelidikan r universiti seperti yang dilaksanakan di negara-negara maju.

“Di negara membangun seperti Korea, Taiwan dan Jerman kebanyakan industri menggunakan kepakaran

“Sebagai contoh, industri teknologi telefon pintar Nokia, Huawei, Samsung, Oppo dan lain-lain,” kata universiti-industri ini dapat dilaksanakan agar setiap penyelidikan dapat dimanfaatkan semua pihak.

Selain itu katanya, fokus pendidikan negara kini ialah kepada Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasio dengan cabaran yang lebih besar akibat daripada ledakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Beliau berbangga dengan usaha pertama UMP bagi mengadaptasi cabaran ini dengan pelaksanaan Kilan IR4.0.

Profesor Dr. Mohd Cairul Iqbal hadir merasmikan Persidangan *Malaysian Technical Universities Confere* yang menyaksikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai tuan rumah dalam penganjuran kali ke-11 y Kuantan pada 20 November 2019 yang lalu.

Dengan bertemakan *‘Communitising Technology in the Context of Industrial Revolution 4.0’* Persidangan I 300 pelajar, pemain industri dan para akademia daripada UMP, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (U dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Turut hadir ahli Lembaga Pengarah UMP, Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Cansel
Kamal Zuhairi Zamli dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuse

Majlis turut dihadiri Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan UTHM, Profesor Dr. Mohd. Amri Lajis, Per
Inovasi UTeM, Profesor Ir. Dr. Marizan Sulaiman dan Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan

Pembentang ucaptama terdiri daripada Profesor Seeram Ramakrishna daripada National University of Sin
Rani, Techno Diverge Link Sdn. Bhd. dan Mohd Parid Sulaiman, Pengarah Program Malaysia *Design Cent*

Turut berlangsung pertukaran Memorandum Persefahaman antara Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli mewa
Sdn. Bhd, Podzi Mahmud, Chief Chemical Engineer Sime Darby, Mohammad Saiful Nidzam Ismail dan
Mohd Dzulqarbain Ahmad Suh.

Bagi kerjasama dengan pihak BI Technologies Sdn. Bhd. pula melibatkan kerjasama UMP menerusi kajia
penyelidikan *'Improvement of Energy in Production Lines, Heating Vetilation and Air Condition (HVAC) In*
menerusi geran MTUN bernilai RM52,150.

Manakala sebanyak RM 100,000 merupakan geran pemadanan MTUN bagi kajian penyelidikan pensyar
Tajuddin bagi projek *'The Development of Odor Sensor To Monitor The Soybean Extraction Plant For O*
Darby Plantation Research Sdn. Bhd. dalam mencari kaedah penyelesaian mengesan bau kesan akil
komuniti setempat di Thailand.

Selain itu dengan pihak Supercat International Sdn. Bhd. pula melibatkan Mohd Najib Razali geran MTU
Formulation From Local Aquaculture Source' bagi menjalankan kajian pengunaan minyak kelapa dara da
makanan kucing.

Mahasiswa UMP matang memilih pemimp

Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini lebih matang dalam memilih pemimpin perwakilan m
kampus dapat dilihat apabila jentera pentadbiran Pilihan Raya Kampus (PRK) diurus sepenuhnya oleh mah

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Pemilihan Pelajar (MPP) sesi 2019/2020 UMP, Mohamed Al-Fateh Ab R
apabila PRK UMP berjalan lancar di kedua-dua kampus UMP Gambang dan Pekan pada 28 November 20

"Alhamdulillah, proses pengundian dapat dijalankan dengan baik walaupun hujan tidak menghalang ma
9.00 pagi sehingga jam 5.00 petang. Jumlah peratusan yang turun mengundi adalah sebanyak 52.69 perat

Dalam pada itu, sebanyak 42 kerusi dipertandingkan pada kali ini dengan 14 kerusi umum dan 28 adalah k

Sembilan calon diisytiharkan menang tanpa bertanding selepas tiada persaingan bagi merebut kerusi MPP

Selain itu, sesi pemilihan masih menggunakan e-Voting seperti mana yang telah digunakan oleh
sememangnya memudahkan proses pengundian dengan mendapatkan keputusan yang segera.

Pemenang bagi kerusi Fakulti Pengurusan Industri ialah Muhammad Zufli Zuhari dan Nur Zarith Halisa Moh

Bagi Fakulti Sains dan Teknologi Industri pula dimenangi oleh Wan Nur Ardini Che Wan Shamsul Akhbar
Kejuruteraan Kimia dan Proses pula dimenangi oleh Ee Hui En dan Mohd Haziq Hamid Khan.

Manakala Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif pula dimenangi oleh Muhammad Azhar

Bagi tiga fakulti ini pula telah menang tanpa bertanding iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan E
Othman Maliki, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam dimenangi oleh Nuraisyah Fikryah Muhamod dan Fa
Khaiyum Ahmad Ishak dan Aishah Umairah Sutrisno Karsono Sadiam.

Bagi Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah dimenangi oleh Lim Sin Yin dan Hafizul Fahim Moh Roffi.

Jabatan Kejuruteraan Industri pula dimenangi oleh Muhammad Hisyamuddin Abdul Aziz dan Muhamm
Kejuruteraan Kimia dimenangi oleh Low Chen Ping dan Nurhidayah Norhazan

Dua Jabatan Kejuruteraan yang menang tanpa bertanding iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam dimenangi ol
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal pula dimenangi oleh Muhammad Muadz Khairul Rizan.

Bagi 14 kerusi umum telah dimenangi oleh Muhammad Syahiruddin Mohd Sabri, Ahmad Rifqi Mohd Jeron
Zulkaffli, Che Muhammad Harith Ab Halim, Nurul Ishafira Ismail, Nik Athirah Nik Mahdi, Nur Amira Sha
Shazwanie Zainurin, Amir Zuhaili Abdul Karim, Nur Ain Natasya Azman, Muhammad Nur Aqmal Nazri dan

Hadir semasa pengumuman keputusan PRK UMP adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar
Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli dan Dekan
Pelajar & Alumni, Dr. Ahmad Johari Mohammad.

Pada masa yang sama, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin mengucapkan tahniah kepada kejayaan
manifestasi ke arah penubuhan kesatuan mahasiswa.

Beliau mengharapkan mahasiswa akan terus mengembangkan potensi dalam bidang kepimpinan dan m
arah penubuhan kesatuan mahasiswa di universiti ini.

"Mahasiswa juga bersikap lebih matang dan profesional dalam menangani isu-isu kemahasiswaan.

"Sebagai pemimpin, mereka perlu hormat-menghormati serta menerapkan nilai-nilai murni dan dan kasih
JHEPA sebagai strategic partner dalam usaha memperkasakan mahasiswa selain membantu menan

katanya.

Kemahiran Penulisan Kreatif boleh dibin

Generasi muda hari ini digalakkan mencipta kehebatan dengan mengambil peluang meneroka ilmu dan
bersaing pada masa depan.

Tidak mempunyai pendedahan tentang sastera dan hanya berlatar belakangkan bidang Teknologi dan Kej
buat mahasiswa melahirkan idea kreatif malahan gabungan sastera dan teknikal mampu memberi kefah
menerusi inovasi baharu selain menghasilkan output yang lebih menarik.

Menurut pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang juga Timbalan Pengarah Media, Bahagian K
Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr. Ghazali, golongan mahasiswa mampu menjadikan bidang penu
yang boleh menjana pendapatan sampingan.

“Dengan menulis mampu menjadikan mahasiswa mempunyai nilai tambah dalam kepelbagaian kemahiran berbeza berbanding dengan mahasiswa lain.

“Kepelbagaian kemahiran ini boleh diteroka menerusi aktiviti penulisan atau lisan termasuklah pengucapan

“Kecemerlangan akademik sahaja bukan ukuran kejayaan dalam menggapai kerjaya yang diinginkan me puluhan ribu setahun,” katanya.

Justeru, katanya, inovasi dan kreativiti adalah harta yang sangat bernilai yang boleh dimiliki mahasiswa har

“Kebanyakan penulis bermula dengan idea kecil dan mereka menulis pada peringkat awal mungkin secar bimbit malahan dalam media sosial,” katanya semasa menyampaikan ceramah 'Penulisan dan Ke bersempena 'Wacana Kesusasteraan Remaja dan Karyawan Di Universiti' di UMP Kampus Gambang pada

Tampil sama sebagai penceramah adalah pensyarah kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Unive Dr. Arbaie Sujud yang berkongsi tentang kedudukan bahasa dalam sastera yang mempunyai nilai estetik termasuk pemikiran dan teknik.

Beliau juga menasihatkan agar mahasiswa untuk mengikuti latihan penulisan untuk mengasah bakat masin

Dalam wacana ini Pegawai Penerbitan Kanan, Penerbit UMP, Muhammad Azli Shukri bertindak sebagai m

Program anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Penerbit UMP dan Pusat Bahasa Dekan (Akademik) Pusat Bahasa Moden, Abdullah Adnan Mohamed yang turut dihadiri ahli guru bahasa, kuasa Induk Program ‘Sasterawan/ Karyawan di Unversiti’.

Kepentingan Analisis Data dalam Perniaga

Oleh: NUR SA'ADATUL AFZAN JUSOH, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Keperluan menganalis data dalam perniagaan mampu meningkatkan nilai perniagaan dan keuntungan ses

Malahan dalam dunia digital hari ini, aspek keselamatan perlu menjadi keutamaan di samping kepentinga
bersaing secara sihat.

Menurut Penganalisis Data, *Business Intelligent Insights* di Malaysia Airlines Berhad (MAS) Parjit Singh F
untuk pembangunan sumber manusia dan sebagai contoh dari segi pembahagian kerja serta mengikut kes

Beliau yang merupakan panel jemputan dalam program MBA *Business Forum 4* berkongsi pen
mempelbagaikan trend penerbangan selain dapat mengenal pasti segmen pelanggan MAS.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif, VULSANX, Dr. Prakash Christiansen, berpendapat data atas ta
risiko.

“Maklumat tentang diri pada privasi mudah bocor dan kebiasaannya mudah didapati untuk kegunaan orgar
teknologi juga mendedahkan privasi data kepada bahaya.

“Orang ramai jangan mudah terpedaya dengan perkataan tertentu, misalannya ayat ‘percuma’. Con
percuma.

“Pada era masa kini, kita sepatutnya tidak teragak-agak untuk membayar lebih demi untuk keselamatan,”
Pengurusan Industri (FIM) dengan tajuk *‘Harnessing Data Analytics: What's Next’* yang berlangsung di Hot
yang lalu.

Dalam pada itu, Ketua Strategi dan Penyelidikan, Strategi Korporat, Malaysian Digital Economy
Narayanasamy turut berkongsi peranan MDEC dalam pelaksanaan program #eRezeki, #eUsahawan
menggunakan analisis data.

Bagi Dekan Fakulti Pengurusan Industri, Dr. Fazeeda Mohammad pula, MBA Business Forum adalah m
oleh FIM sejak tahun 2016.

“Pada kali ini, forum berlangsung secara kelas global (live) melibatkan tiga institusi dari India iaitu DJ Aca
School of Management Studies dari Combaitore India dan Periyar University Salem, Tamil Naidu India.

“Selain menggalakkan perkongsian idea, program seumpama ini menggalakkan kolaborasi dan jaringan ra

“Ia bertujuan melahirkan pengurus yang kompeten selain mempelajari aspek pentadbiran dan praktika
holistik dan global,” ujar beliau.

Manakala menurut Pengarah Program, Dr. Suhaidah Hussain, melalui forum ini, perkongsian dari pakar-pa
teori, keadaan sebenar *(real-world practice)* dan pengalaman peribadi peserta.

“Dalam meraikan era digital, program MBA diharapkan mampu melahirkan bakal ketua atau ketua yang
secara sistematik dan kreatif dalam dunia perniagaan yang mencabar.

“Pada masa kini, analisis data telah digunakan oleh kebanyakan syarikat di Malaysia,” katanya.

Peserta forum, Mohd. Izzat Shafie@Mohd Alias yang merupakan siswawah UMP yang sedang mengikuti

mengharapkan lebih banyak penganjuran program seumpama ini agar dapat memberi manfaat bukan setempat dari industri yang berbeza dalam menghadapi cabaran revolusi Industri 4.0.

“Forum ini merupakan satu program yang sangat berinformasi dari panel berpengalaman dalam berkon perancangan atau penambahbaikan yang perlu diambil untuk meningkatkan prestasi organisasi.

“Turut ditekankan ialah aspek keselamatan data yang kurang diberi perhatian oleh segelintir pihak yang pengguna atau pelanggan,” katanya.

Mustaf mahasiswa antarabangsa fasih berbahas

Oleh: JUWAIRIAH OSMAN, PUSAT BAHASA MODEN

Melihat perwatakannya yang bersahaja tiada siapa menyangka Mustaf Mohamed, 23, mahasiswa anta kerakyatan United Kingdom ini minat dan fasih bertutur dalam bahasa Melayu.

“Saya juga gemar berkawan dengan rakan-rakan dari Malaysia dan apabila bermain bola sepak bersama r lebih banyak bahasa dan lebih rapat dengan mereka,” ujarnya yang minat bersukan pada waktu petang.

Malahan beliau yang kini sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia bergiat berpidato.

Lebih memberikan semangat buatnya mendalami bahasa Melayu adalah hasil kejayaan abangnya, menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan pernah memenangi Pidato Antaraban Menteri beberapa tahun lalu.

Bakatnya dalam berpidato berjaya mencuri tumpuan Guru Bahasa Melayu di Pusat Bahasa Moden, UMP ia

Percaya dengan bakat dan kesungguhannya, Mustaf telah diberi pendedahan dan dilatih bersama ahli Kela
Ahmad Syahmi Aiman Adnan, Nurayuni Norli, Aslyana Rahman dan Amirul Amin sehingga berjaya mengua

Menurut Juwairiah, Mustaf bertuah apabila terpilih mewakili UMP dalam Pertandingan PABM baru-baru ini.

Turut sama dicalonkan bagi kategori antarabangsa adalah Ali Khatib Juma dari Tanzania dan Maliha Tahsi

Mustaf telah menyampaikan pidato bertajuk 'Pelarian dan Imigran Menjana Kebangkitan Ekonomi' yang be
imigran dari Somali yang telah berhijrah ke United Kingdom.

Berdepan suasana sukar pada awalnya bukan halangan buat ibu bapanya berjaya dalam kerjaya dan mem

Lebih membanggakan, Mustaf berjaya berada di tangga ketujuh daripada 35 penyertaan bagi kategori Pe
baru-baru ini yang berlangsung di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) Perak.

PABM telah diadakan sejak 2006 lagi anjuran Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pendidikan Tinggi (
bagi memartabatkan dan mengantarabangsakan bahasa Melayu ke persada dunia.

Pengalaman menyertai pertandingan ini pastinya memberikan kenangan terindah buatnya.

Selain dapat berkenalan dengan pelajar daripada universiti lain, peserta juga berkesempatan mengenali
Kampung Misa dan destinasi pelancongan dan pelbagai tempat kebudayaan Melayu di negeri Perak.

“Saya akan tulis dalam bahasa Inggeris dan meminta bantuan guru bahasa atau kawan-kawan lain untuk d

“Dengan menghafal, mengingati dan menggunakan ayat dalam perbualan lama-kelamaan ia akan me
berkongsi tips mudah menguasai bahasa.

Beliau turut merakamkan penghargaan terima kasih atas bantuan guru bahasa, pensyarah dan mahas
buatnya dan mahasiswa antarabangsa yang lain dalam menikmati pengalaman kampus yang menyeronok

---

Ts. Mohd. Najib penyelidik usahawan hasilkan produk rawat

Menyedari isu pembuangan sisa air berminyak yang tidak terkawal dan isu-isu pencemaran air yang menje pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses, penyelidikan rawatan sisa air berminyak.

Beliau berjaya menghasilkan produk *MNRg-Treat* berformulasi berteknologi hijau yang mampu digunakan berminyak.

Lebih menarik, kajian sejak tahun 2012 ini mendapati *MNRg-Treat* merupakan produk yang selamat unt berada di pasaran kerana menggunakan bahan-bahan formulasi semula jadi sebagai bahan utama dalam p

Menurut Ts. Mohd Najib, formulasi penghasilan produk ini telah siap dan dalam proses penambahbaika pengesahaan sijil-sijil pengiktirafan yang berkaitan.

“Produk ini berfungsi sebagai agen untuk merawat sisa air yang berminyak. Dengan menggunakan ko daripada air sisa berminyak, ia hanya perlu diletakkan pada sisa air yang berminyak dengan kadar dos yan

“Ia diikuti dengan proses ‘mengacau’ dan ‘penganginan’ perlu dilakukan untuk *MNRg-Treat* bertindak balas

“Proses penapisan minyak boleh dilakukan selepas minyak dan air terpisah,” katanya yang ditemui di pej Kampus Gambang.

Beliau mengharapkan agar penghasilan produk ini dapat menyelesaikan isu pencemaran sisa-sisa air be kilang dan industri agar melepasi piawaian garis standard Jabatan Alam Sekitar Kementerian Tenaga, Sai Iklim.

Selain itu, pihaknya juga turut menyediakan perkhidmatan perundingan dan uji kaji sampel air di makmal da

Usaha ini juga dilihat sebagai merealisasikan hasrat UMP dalam memasyarakatkan teknologi dan memanfaatkan masyarakat dan industri di negara ini.

Beliau bersyukur apabila mendapat sokongan daripada pihak universiti dan menerima geran termasuklah *UIC161003 – Bio-Coagulant and Smart System for Sustainable Water Treatment* dan juga geran T Bumiputera (SUPERB) yang bernilai RM500,000 sebagai menyokong idea perniagaan.

Baru-baru ini juga, Ts. Mohd Najib turut menempa kejayaan apabila berjaya memenangi Anugerah Pe kategori Anugerah Usahawan Penyelidik dengan membawa pulang hadiah berbentuk geran dan tunai bern

Beliau juga pernah menerima Anugerah Kecemerlangan Industri dan Masyarakat (AKIM) 2019 bagi Ka (Kategori Staf Akademik) bersempena Hari Kualiti dan Inovasi UMP.

Perancangan pada masa depan, beliau yang juga merupakan alumni UMP berhasrat menjadi pembek analisis rawatan air ke seluruh Malaysia.

MNRg-Treat ini boleh membantu pihak industri bagi menyelesaikan masalah pembuangan berkala bagi sis parameter mengikut piawaian *Department of Environment* (DOE).

Dengan harga 1 liter RM35 dan 25 liter RM750, produk MNRg-Treat yang mula dikomersialkan oleh syaril menembusi pasaran masa depan dengan mengadakan promosi di pameran dalam dan luar negara.

Produk ini diiktiraf antarabangsa apabila memenangi pingat dalam *Seoul International Invention Fair*

Croatia 2013 (INOVA 2013), *Innovation and New Product Exposition, United State of America* (USA) (I
Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA 2017), *Water Malaysia* 2013 dan *Glo*

Info Penyelidik
Makumat Penyelidik : Ts. Mohd Najib bin Razali
Negeri Kelahiran : Johor Darul Takzim
Pendidikan : M. Eng. (Chemical Engineering), UMP, B. Eng. (Chemical Engineering), UMP
Bidang Kepakaran : Kejuruteraan Alam Sekitar, Teknologi Kitar Semula, Rawatan Sisa Air Buangan

---

Empower Edu-Tour **galak 117 murid Orang Asli minat Sai**

Keceriaan jelas terserlah pada wajah 117 murid Orang Asli daripada empat buah sekolah rendah sekitar P
Empower Edu-Tour di Perpustakaan Awam, Kuantan Pahang pada 20 November 2019 yang lalu.

Mereka merupakan murid-murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Gemuruh, SK Iskandar, SK Bukit Rol

Program ini merupakan salah satu inisiatif program pembangunan modal insan anjuran Majlis Pembangu
dengan kerjasama UMP Advanced Education (UMPA) dalam memberi inspirasi kepada murid-murid untuk

Menurut Pemangku Pengurus Besar, Jabatan Sosioekonomi dan Projek Khas UMPA, Shamsulkahar Abd
kepada murid-murid untuk lebih kreatif dan meminati pembelajaran dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan d

“Melalui pendekatan ini juga akan lebih menarik minat mereka untuk suka membaca dan mengetahui p
pendedahan dan pengalaman baru yang dirasai oleh murid-murid ini sepanjang mengikuti lawatan ini,” kata

Hadir sama Pro-Pendaftar UMP, Abd. Rahman Haji Safie.

Menurut salah seorang murid SK Kampung Bukit Gemuruh,Bera, Nurul Ain Mohd Sam, 11, berkata, beliau

“Perpustakaan ini menyediakan banyak buku dan persekitarannya juga menarik,” katanya.

“Saya tidak sabar untuk menceritakan keseronokan di sini kepada kedua ibu bapa. Saya berharap ak
katanya.


Manakala rakannya Azief Farhan A/L Hamdi, 11, pula sangat teruja apabila buat pertama kali dapat mengu
Pahang.

“Di sini saya berpeluang mempelajari membuat ‘slime’ dengan bahan yang selamat digunakan.

“Walaupun saya tidak dapat berkunjung ke Petrosains di Kuala Lumpur namun saya tidak terkilan ke
Pahang juga saya dapat terokai pelbagai aktiviti interaktif yang menarik.

“Terima kasih ECER dan UMP dengan penganjuran program ini,” katanya.

Penganjuran Program Empower ECER Latihan Akademik ini juga dapat merapatkan jurang ekonom
masyarakat bandar melalui peningkatan prestasi akademik para pelajar dan kemahiran vokasional para pe



- 160 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

